



## **TEKS UCAPAN**

**YB SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL  
BIN TENGKU ABDUL AZIZ**

**MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**PELANCARAN ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI 2026  
(AKI 2026)**

**3 MAC 2025 (ISNIN) | 1:30 PETANG |**

**MENARA MITI  
KUALA LUMPUR**

**YBhg. Dato' Hairil Yahri Bin Yaacob,**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)

**YBhg. Tan Sri Yong Poh Kon**  
Pengerusi Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) 2024

**YBhg. Datuk Hanafi Bin Sakri**  
Timbalan Ketua Setiausaha Industri  
Merangkap Ketua Sekretariat Anugerah Kecemerlangan Industri

**YBrs. Encik Zahid Bin Ismail**  
Ketua Pengarah  
Perbadanan Produktiviti Malaysia

Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha MITI,

Pegawai-pegawai Kanan MITI,

Ketua-ketua Agensi,

Ahli-ahli Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) 2024,  
Presiden Persatuan-persatuan Industri, serta

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, Salam Sejahtera dan  
Salam Malaysia MADANI

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para hadirin terutamanya rakan-rakan industri kerana sudi bersama-sama MITI pada petang ini sempena pelancaran Anugerah Kecemerlangan Industri 2026.
2. **Terima kasih juga dan syabas** kepada **Tuan Nor Azham Baharin, Ketua Pegawai Operasi CTRM Aero Composites Sdn. Bhd.** yang sebentar tadi telah **berkongsi perjalanan CTRM** hingga menjadi sebuah syarikat yang disegani pada hari ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) telah diperkenalkan pada tahun 1991, bertujuan untuk mengiktiraf pencapaian syarikat-syarikat di Malaysia yang berjaya kekal berdaya saing dan inovatif. Ada tiga (3) aspek kecemerlangan bagi setiap pencalonan iaitu **tatakelola pengurusan; kualiti produk dan perkhidmatan; dan keupayaan memberikan nilai tambah berterusan kepada pemegang taruh masing-masing.**
4. Secara tidak langsung, setiap syarikat yang menyertai AKI akan **memanfaatkan** apa yang boleh dianggap sebagai '**saringan kesihatan industri' secara percuma**, terutamanya untuk syarikat yang baru menyertai dan yang telah melakukan penambahbaikan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. **Tiga aspek kecemerlangan** yang telah saya sebut tadi adalah **seiring dengan hasrat Kerajaan** untuk **memastikan komuniti**

**perniagaan Malaysia terus berdaya saing** dalam landskap perniagaan yang amat mencabar pada masa ini.

6. Sehubungan itu, saya yakin Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 yang sedang dilaksanakan akan dapat menaiktaraf atau *elevate* syarikat-syarikat kita sebagai peneraju industri berteknologi tinggi, mampan dan berdaya saing. Ini bagi memastikan mereka cukup dinamik untuk memenuhi keperluan pasaran global yang semakin kompetitif.
7. Pada minggu lepas, saya juga telah melancarkan Kerangka Penstruktur Semula Insentif Perindustrian (CoSIF) NIMP 2030. Melalui CoSIF, Kerajaan memperuntukkan RM131.5 juta untuk projek-projek berimpak tinggi empat sektor pertumbuhan baharu, iaitu ***Carbon Capture, Utilisation and Storage (CCUS); kenderaan elektrik (EV); tenaga boleh diperbaharui (RE); dan bahan termaju (advance materials)***.
8. Antara daya tarikan CoSIF adalah ianya **distruktur** untuk **meningkatkan daya saing Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan Mid-Tier Company (MTC)**. Oleh yang demikian, saya harap syarikat-syarikat PMKS dan MTC dapat merebut peluang ini untuk memulakan atau meningkatkan penglibatan mereka dalam projek-projek berdasarkan teknologi terkini.
9. **Daya saing** juga adalah **antara agenda utama** yang telah dibincangkan dalam **Pemukiman Jemaah Menteri** baru-baru ini. Di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Kerajaan akan terus **fokus**

**kepada pelaburan strategik** yang dapat memberikan ‘*the necessary edge and advantage*’ bagi meningkatkan daya saing negara. Tumpuan juga diberikan kepada **penyampaian Kerajaan dengan mengenal pasti ruang penambahbaikan**. ‘*We need to be more efficient to meet the rakyat’s expectations*’. Usaha-usaha inilah yang akan memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

10. Dalam hal ini, salah satu inisiatif Kerajaan bagi memastikan sistem penyampaian yang berkesan, ialah program **Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB)**. Saya telahpun berkongsi hal ini semasa pembentangan Kad Laporan MITI pada 24 Februari lalu. Inisiatif ini bertujuan mewujudkan ekosistem perniagaan yang lebih tangkas (‘*agile*’) dan mampan dengan cara memudah urusan syarikat.
11. Pada tahun lepas, 200 projek RKB telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan menghasilkan penjimatan ***cost of doing business*** sebanyak RM561 juta. Bagi tahun ini, **lebih 600 projek telah didaftarkan dengan sasaran penjimatan sebanyak RM1.5 bilion**.
12. **Kejayaan RKB** ini adalah **hasil maklum balas pihak industri** yang mengutarakan ***pain points*** yang dihadapi, serta keterbukaan seluruh jentera Kerajaan untuk **menambahbaik pelbagai proses awam, termasuk melabur dalam penggunaan teknologi terkini**.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Malaysia juga mempelopori perihal **daya saing di peringkat serantau**. Dalam Sesi Pemukiman Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN ke-31 di Desaru, Johor yang saya pengerusikan hari Jumaat lepas, Malaysia telah mengangkat isu daya saing dalam mendepani cabaran geopolitik semasa yang boleh ditangani secara efektif menerusi kerjasama rapat antara negara-negara anggota ASEAN.
14. Dengan kerjasama rapat ASEAN, kita perlu mengoptimumkan pasaran ASEAN yang mempunyai lebih 680 juta penduduk dengan nilai dagangan terkini yang direkodkan hampir RM438 bilion (2024).
15. Sehubungan itu, di bawah pimpinan Malaysia, sebanyak **18 Priority Economic Deliverables (PED)** atau **Keberhasilan Ekonomi Utama** di bawah tonggak ekonomi bagi ASEAN pada tahun ini telahpun **dipersetujui**. Kesemua PED tersebut – termasuk menaiktaraf beberapa **Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)** dan **Pelan Hala Tuju Pembangunan Industri EV ASEAN** – akan menyumbang kepada peningkatan daya saing rantau ASEAN. Dalam tahun Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia, kita perlu **meneraju dan memanfaatkan pelbagai inisiatif agar rantau ini, dan juga industri kita, kekal berdaya saing dan produktif**.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Berbalik kepada AKI 2026, saya **berharap lebih banyak syarikat dapat mengemukakan pencalonan**. Tahun lepas, hanya 357 syarikat menyertai AKI, berbanding 33,333 lesen pengilang yang telah diluluskan oleh MITI (sehingga Disember 2024).
17. Justeru, **saya harap anda semua dapat menguar-uarkan AKI 2026 kepada semua pemain industri**. Saya percaya *endorsement* dari mereka adalah penting untuk memartabatkan Anugerah Kecemerlangan Industri kali ini.
18. Dengan iltizam untuk melihat lebih banyak syarikat-syarikat menyertai AKI, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, secara rasminya melancarkan pencarian MITI untuk menobatkan syarikat-syarikat yang layak bagi Anugerah Kecemerlangan Industri 2026.

Sekian terima kasih.

Wabillahi Taufik wal Hidayah Wassalamualaikum Warah matullahi  
Wabarakatuh..